

# BAB I

## PENGENALAN

### Latar Belakang

Mata pelajaran Ekonomi Asas telah dirancang dan digubal untuk menyumbang ke arah membina insan yang baik, seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Mata pelajaran ini merupakan satu daripada mata pelajaran elektif di bawah kumpulan Vokasional dan Teknologi untuk pelajar-pelajar menengah atas.

Tujuan utama Ekonomi Asas diperkenalkan ialah untuk membekalkan ilmu pengetahuan asas ekonomi kepada pelajar supaya mereka dapat memahami masalah yang berpunca daripada sumber terhad berbanding dengan kehendak yang tidak terbatas dan pemilihan yang rasional tentang penggunaan sumber ekonomi yang terhad (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

Beberapa kajian tempatan menunjukkan bahawa tahap pemahaman konsep-konsep ekonomi adalah berada pada tahap yang rendah. Menurut Yip (1967), semua negara di dunia ini tidak boleh lari daripada menanggapi masalah-masalahnya tanpa sumbangan besar daripada ilmu ekonomi. Dalam kajian yang sama beliau telah menegaskan bahawa mata pelajaran ekonomi

patut diajar di tingkatan yang lebih rendah daripada tingkatan enam. Pada pendapat beliau, mata pelajaran ini akan membekalkan sebahagian besar remaja kita yang akan keluar dari alam persekolahan dengan pengetahuan yang lebih mendalam tentang ekonomi Malaysia serta memperkembangkan keupayaan mereka untuk menganalisis dengan rasional dan objektif serta membuat keputusan-keputusan ekonomi.

Azali Mahbar (1979) dalam kajiannya mengenai pemahaman konsep-konsep ekonomi di kalangan pelajar-pelajar tingkatan enam atas di Negeri Sembilan mendapati secara keseluruhannya tahap pemahaman mereka adalah rendah berbanding dengan rakan sebaya mereka di Amerika Syarikat.

Marimuthu (1983) pula berpendapat bahawa pengajian ekonomi bukan sahaja akan membekalkan kaum remaja dengan latihan yang diperlukan untuk berfungsi dengan berkesan dalam sebuah negara demokrasi, tetapi juga membekalkan mereka dengan pengetahuan ekonomi untuk membuat pertimbangan serta keputusan-keputusan yang rasional dan bijak mengenai isu dan masalah semasa.

Menurut Abu Bakar, Johari, dan Juhari (1993), nilai dan pengetahuan ekonomi yang diperolehi oleh pelajar-pelajar di sekolah boleh dimanfaatkan dan sangat diperlukan dalam hampir semua bidang profesional apabila pelajar tersebut menceburkan diri dalam kehidupan masyarakat umum nanti. Tanpa mengambilkira sama ada seorang pelajar itu membuat penjurusan dalam apa sahaja bidang di pusat pengajian tinggi, maka pada akhirnya nanti mereka juga

akan menceburkan diri dalam perniagaan (membuka firma persendirian). Ini bermakna mereka perlu mengetahui beberapa konsep dan prinsip asas ilmu ekonomi bagi menjamin kejayaan yang lebih cemerlang dalam kerjaya mereka, lebih-lebih lagi apabila negara memasuki era negara maju dalam tahun 2020 apabila sektor swasta dijangkakan memainkan peranan utama dalam menangani ekonomi negara.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas serta keperluan pengetahuan ekonomi, maka mata pelajaran Ekonomi Asas telah diperkenalkan dalam sesi persekolahan tahun 1992 sebagai salah satu mata pelajaran elektif untuk pelajar-pelajar Tingkatan Empat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Mengikut Faridah (1994), mata pelajaran Ekonomi Asas dapat membekalkan pelajar-pelajar dengan ilmu dan kemahiran berfikir, memahami dan menyedari isu dan kegiatan ekonomi yang berkaitan rapat dengan kehidupan harian mereka.

Mata pelajaran ini juga digubal dengan tujuan memberi pemahaman yang asas dan kukuh mengenai prinsip-prinsip dan konsep-konsep ekonomi, khususnya dalam konteks Malaysia kini supaya pelajar dapat menjalankan tugasnya dengan rasional dan berkesan dalam kehidupan sehariannya dan seterusnya memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara (Shahril, Quek, dan Chang, 1994).

Bagi menjayakan mata pelajaran yang baru ini, guru-guru Ekonomi Asas harus menjadikan pengajaran dan pemelajaran Ekonomi Asas menarik, mudah difahami, boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan mengatasi segala-segalanya ialah setiap tahun ramai calon berjaya dalam peperiksaan, khususnya di peringkat cemerlang.

Pelbagai alat bantu mengajar boleh diamalkan oleh seorang guru Ekonomi Asas dalam pengajarannya. Alatan ini boleh menolong meningkatkan mutu pengajaran seorang guru dan menjadikannya lebih menarik. Antara alat bantu mengajar yang boleh digunakan oleh guru-guru Ekonomi ialah alat bantu dengar, alat bantu pandang, dan buku teks (Leong, 1983).

Pendapat beliau adalah selaras dengan prinsip-prinsip KBSM yang menyatakan sukatan pelajaran, persediaan pelajar, dan buku teks merupakan sebahagian daripada proses pendidikan yang menyeluruh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Tumpuan kajian ini ialah kepada kepentingan penggunaan buku teks yang bermutu dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang baru ini di peringkat menengah atas. Ini mustahak untuk membantu pelajar memperluaskan kefahaman dan pengetahuan mereka tentang konsep dan isi kandungan yang terdapat dalam sukatan pelajaran Ekonomi Asas.

## **Kepentingan Buku Teks**

Buku Teks merupakan buku yang istimewa kerana mengandungi arahan, dan penerangan mata pelajaran dalam membentangkan prinsip-prinsip dalam sesuatu bidang disiplin tertentu. Dalam negara sedang membangun seperti Malaysia, tidak dinafikan bahawa buku teks adalah salah satu bahan untuk mentafsirkan falsafah, matlamat, objektif, dan prinsip kurikulum pendidikan (Naemah, 1988).

Buku teks juga merupakan alat penting yang digunakan untuk mempertingkatkan pembelajaran. Mengikut Gopinathan (1983) walaupun terdapat pelbagai alat bantu mengajar yang canggih dalam era teknologi elektronik kini tetapi buku teks masih menjadi alat yang digunakan secara meluas di bilik darjah. Pendapat ini juga disokong oleh Abdul Shukor dan Yunos (1993) yang meletakkan buku teks sebagai bahan yang mudah dirujuk oleh guru-guru dan pelajar-pelajar.

Smith (1949) dalam kajiannya, telah meletakkan buku teks sebagai bahan yang penting untuk guru dan pelajar. Kegagalan menyediakan buku teks yang sempurna boleh membawa padah dalam proses pendidikan.

Kepentingan buku teks juga telah diletakkan oleh Altbach (1983) sebagai alat penting dalam pembangunan pendidikan terutama apabila sebuah negara menghadapi kekurangan guru dan latihan perguruan. Tambah beliau

lagi, buku teks amat penting untuk menjaga mutu pendidikan, malah dapat memberi hala tuju kepada pembangunan kurikulum.

Verspoor dan Wu (1990) dalam perbincangan mereka tentang kepentingan buku teks dalam pendidikan telah merumuskan bahawa buku adalah merupakan satu input yang paling kerap dikaitkan dengan peningkatan pembelajaran. Dalam negara-negara membangun terutama bagi negara yang kekurangan guru terlatih, buku teks amat penting dalam mengimplementasikan kurikulum.

Dent (1955) pula meletakkan buku teks sebagai alat pembelajaran yang penting dan sukar diganti dengan bahan lain. Nolen dan Goetz (1959) menyokong pendapat ini dengan menambah bahawa buku teks adalah alat asas untuk guru dan juga pelajar. Buku teks dapat membantu guru untuk membentuk objektif dan mencadangkan cara-cara untuk mencapai objektif-objektif tersebut.

Pada tahun 1967, Hillel telah mengkaji tentang kepentingan buku teks dan beliau telah membuat kesimpulan:

'textbooks are still the single most important teaching tool, ....are the basis of every curriculum and ....will determine how almost any given subject will be taught'.  
(m.s. 3)

Atan Long (1984) pula menekankan bahawa ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan telah tersebar luas hasil daripada pembacaan buku-buku teks dalam berbagai-bagai bahasa. Bagi ibu bapa pula, buku teks merupakan satu

penyata yang jelas mengenai kurikulum sekolah dan dengan adanya buku teks, ibu bapa yang celik huruf boleh membantu kemajuan akademik anak mereka dengan lebih berkesan.

Menurut Schiefelbein dan Farrel (1977) kewujudan buku teks ada kaitannya dengan pencapaian akademik. Tambah mereka lagi, pembekalan buku teks ialah satu variabel polisi yang mempunyai hubungan positif dengan prestasi akademik di kalangan pelajar. Variabel ini nampaknya mempunyai kesan yang positif terhadap kumpulan pelajar yang amat memerlukan bantuan, iaitu anak-anak daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Keadaan ini terbukti di Malaysia daripada Laporan Jawatankuasa Pegawai Mengkaji Syor-syor Laporan Keciciran (1971) ada menyebut bahawa "buku teks merupakan suatu penentuan yang penting mengenai pencapaian pelajar-pelajar." Pernyataan ini berdasarkan dapatan kajian mereka yang mendapati antara faktor utama yang menyebabkan berlakunya keciciran di kalangan pelajar ialah kurangnya membaca buku-buku termasuk buku teks.

Pendapat ini seterusnya disokong oleh Isahak Haron (1977) yang menyebut bahawa satu-satunya variabel polisi yang boleh dikawal oleh pihak kerajaan untuk memastikan keseimbangan atau persamaan peluang untuk pendidikan ialah menentukan semua pelajar mendapat bekalan buku teks yang mencukupi.

Brunswie (1990) dalam penyelidikannya ada menyatakan bahawa satu strategi yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian pelajar ialah dengan

menentukan sama ada pelajar mendapat buku teks atau pun tidak, adalah menjadi kriteria yang diterima umum sebagai penilai kualiti pendidikan.

### **Pernyataan Masalah**

Buku teks ialah bahan bantu mengajar yang penting dan digunakan secara meluas di bilik darjah oleh guru-guru. Bagi pihak pelajar pula, buku teks digunakan sebagai sumber rujukan, bahan ulangkaji pelajaran, dan sebagai sumber latihan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan khusus untuk meninjau persepsi guru yang mengajar Ekonomi Asas di sekolah-sekolah menengah biasa di daerah Batang Padang, Perak tentang mutu buku teks Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT). Kajian mutu buku teks berkenaan adalah perlu kerana buku teks ini tidak diuji-cuba terlebih dahulu dari segi kualiti dan kesesuaiannya dengan tahap kebolehan pelajar sebelum diedarkan ke sekolah-sekolah. Selain itu, mata pelajaran Ekonomi Asas hanya ditawarkan di peringkat menengah atas kepada pelajar-pelajar yang tidak menerima pendedahan terhadap konsep-konsep ekonomi di peringkat menengah rendah. Jadi, adalah wajar dikaji kesesuaiannya serta kefahaman konsep-konsep ekonomi seperti yang dikehendaki oleh sukatan pelajaran. Tambahan pula, tiada tinjauan secara langsung pernah dibuat terhadap mutu buku teks Ekonomi Asas sebelum ini walaupun pernah dibincangkan dalam seminar-seminar.



## **Tujuan dan Persoalan Kajian**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan buku teks Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM yang sedang digunakan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru, penilaian terhadap mutu buku teks tersebut dibuat terhadap beberapa aspek buku teks iaitu isi kandungan, kesilapan fakta, konsep ekonomi, ilustrasi, latihan dan aktiviti, bahasa, saiz huruf, dan gaya penulisan.

Berdasarkan kepada tujuan yang dinyatakan di atas, kajian ini akan cuba mendapat jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- i. Berapa kalikah guru Ekonomi Asas menggunakan buku teks semasa mengajar?
- ii. Sejauhmanakah keseluruhan kandungan buku teks ini sesuai dengan sukatan pelajaran Ekonomi Asas?
- iii. Adakah guru mendapati apa-apa kesilapan mengenai fakta dan maklumat dalam buku teks ini?
- iv. Sejauhmanakah konsep ekonomi diperkembangkan dengan jelas?
- v. Adakah terdapat penerangan konsep yang salah di buku teks ini?
- vi. Sejauhmanakah keseluruhan kandungan buku teks ini sesuai dengan tahap pencapaian pelajar yang cerdas, sederhana, dan lemah?

- vii. Adakah ilustrasi seperti gambarajah, keluk, dan jadual yang terdapat dalam buku teks ini membantu pemelajaran pelajar?
- viii. Adakah latihan dan aktiviti yang terdapat dalam buku teks ini dapat membantu pengukuhan dan pemahaman pelajar terhadap sesuatu pelajaran?
- ix. Sejauhmanakah bahasa yang digunakan sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pelajar tingkatan empat?
- x. Apakah pendapat guru mengenai saiz huruf dalam buku teks ini?
- xi. Adakah gaya penulisannya menarik?
- xii. Apakah pendapat guru mengenai istilah-istilah ekonomi yang digunakan?
- xiii. Sejauhmanakah penyampaian kandungan buku teks ini berguna dari segi pengajaran dan pemelajaran?

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dibuat kerana pengkaji berpendapat buku adalah satu alat penting dalam proses pengajaran dan pemelajaran. Buku teks yang baik boleh membimbing pelajar memahami dengan baik konsep-konsep yang disampaikan dalam satu bidang pelajaran. Buku teks yang ditulis dengan teliti juga dapat memupuk minat pelajar mendalami sesuatu bidang ilmu

pengetahuan terutama Ekonomi Asas yang merupakan satu bidang yang baru bagi pelajar yang baru melepasi halangan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Di samping itu, Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM adalah asas kepada pengetahuan ekonomi di peringkat yang lebih tinggi. Dengan itu, adalah perlu dipastikan bahawa huraian tentang konsep-konsep asas yang dibentangkan mencukupi dan sesuai dengan peringkat umur pelajar supaya mereka memperoleh asas yang kukuh dalam bidang ekonomi.

Pembentukan sikap dan minat terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas juga dapat ditimbulkan oleh sebuah buku teks yang baik. Pengetahuan ekonomi yang diperoleh daripada pembacaan buku-buku teks yang bermutu dapat memanfaatkan pelajar terutama dengan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Buku teks yang bermutu tinggi juga dapat menambahkan keyakinan diri pelajar untuk belajar dengan lebih mendalam lagi.

Bagi pihak guru pula, buku teks yang paling bermutu dapat digunakan sebagai asas rujukan, bahan latihan kepada pelajar dan terutamanya sebagai sumber pengajaran. Dalam lain perkataan, buku teks yang bermutu dapat digunakan untuk memenuhi kehendak kurikulum.

Dapatan kajian ini juga merupakan maklum balas yang berguna kepada Kementerian Pendidikan, khususnya kepada Bahagian Buku Teks dalam usaha meningkatkan lagi mutu buku teks Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM. Selain itu, ia juga boleh memanfaatkan penulis dan penerbit yang terlibat supaya dapat menyemak semula serta memperbaiki kelemahan-kelemahan,

kesilapan fakta, dan maklumat dalam buku teks berdasarkan kepada dapatan kajian ini.

### **Pengertian Istilah**

Beberapa istilah digunakan untuk penyelidikan ini dan maksudnya adalah seperti di bawah ini:

i. Guru Ekonomi Asas

Guru Ekonomi Asas yang dimaksudkan ialah guru yang mengajar mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM di sekolah-sekolah menengah biasa di daerah Batang Padang, Perak.

ii. Buku Teks Ekonomi Asas

Buku teks Ekonomi Asas untuk kajian ini adalah buku teks yang diperakui dan dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Skim Pinjaman Buku Teks. Buku ini mengandungi huraian tajuk-tajuk mata pelajaran disertai dengan contoh-contoh yang sesuai dan rumusan, aktiviti serta latihan di akhir setiap bab. Buku ini telah diterbitkan pada tahun 1991 oleh Penerbitan Gazzara Sdn. Bhd.

### iii. Persepsi

Persepsi bermaksud pendapat dan pandangan guru-guru Ekonomi Asas dalam sampel kajian terhadap mutu buku teks Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM. Persepsi ini terhad pada item-item yang terdapat dalam soal selidik untuk kajian ini sahaja.

### iv. Mutu Buku Teks

Mutu buku teks adalah dinilai berdasarkan kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan buku teks seperti berikut:

- a. penyampaian kandungan buku teks dari aspek sukatan pelajaran.
- b. kesilapan fakta, konsep, istilah, dan maklumat dalam buku teks.
- c. fungsi latihan dan aktiviti dalam buku teks.
- d. kesesuaian kandungan buku teks dengan tahap pencapaian pelajar.
- e. kesesuaian saiz huruf, bahasa, dan gaya penulisan.
- f. penggunaan ilustrasi seperti gambar-gambar, keluk-keluk, dan jadual dalam buku teks.

### **Batasan Kajian**

Tinjauan persepsi guru-guru Ekonomi Asas terhadap mutu buku teks Ekonomi Asas hanya dibuat terhadap tujuh belas orang guru yang mengajar di sekolah menengah biasa di bawah Kementerian Pendidikan di negeri Perak.

Sekolah-sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana sekolah-sekolah ini mudah dihubungi oleh pengkaji untuk mendapat maklum balas terhadap mutu buku teks dan mentadbirkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan kajian.

Sepertimana dengan kajian-kajian lain, kajian ini juga mempunyai batasannya yang tersendiri. Oleh kerana sampel kajian ini hanya terdiri daripada tujuh belas orang guru Ekonomi Asas sahaja, maka pandangan dan pendapat adalah terbatas kepada segolongan kecil guru Ekonomi Asas sahaja dan mungkin tidak dapat mewakili persepsi populasi guru-guru Ekonomi Asas di Malaysia.